(S)KEW.NEG.PHG-1/2023 ( 6 )

**SURAT PEKELILING**
**PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG**
**BILANGAN 2 TAHUN 2023**

---

# GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN NEGERI PAHANG TAHUN 2024

---

## 1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan tahun 2024.

## 2. SENARIO EKONOMI DAN FISKAL NEGARA

2.1 Pada 2023, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global semakin menyederhana iaitu sebanyak 2.9%[1] seiring dengan tekanan berterusan seperti inflasi, keadaan kewangan global yang semakin ketat dan pertumbuhan ekonomi negara-negara maju yang turut perlahan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri

[1]Unjuran IMF, *World Economic Outlook*, Januari 2023

Kasar (KDNK yang turut perlahan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.2% manakala negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE) diunjur stabil pada 4%.

2.2 Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2023 turut terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi global. Sehubungan itu, pertumbuhan KDNK 2023 dijangka menyederhana pada sekitar 4.5%[2] berbanding 8.7% pada 2022. Walaupun begitu, pertumbuhan ekonomi Malaysia masih kekal positif disokong oleh permintaan domestik yang stabil terutamanya perbelanjaan swasta berikutan jangkaan penambahbaikan pasaran buruh yang berterusan serta peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan serta inisiatif di bawah Belanjawan 2023. Tambahan pula, sumbangan sektor berkaitan pelancongan dijangka bertambah baik berikutan ketibaan jumlah pelancong yang lebih tinggi. Penyegeraan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi, pertumbuhan kukuh dalam pelaburan swasta dan permintaan luar yang berterusan terutamanya daripada rakan dagang utama juga akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

2.3 Pelbagai langkah akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan dan memperkukuh potensi Malaysia untuk lebih berdaya saing, mampan dan inklusif. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan dasar kitaran balas serta mempercepat pembaharuan struktural untuk memperkukuh prospek pertumbuhan dan menggariskan strategi dan inisiatif yang mencerminkan kebertanggungjawaban Kerajaan kepada rakyat dengan mengutamakan pertumbuhan, pengagihan saksama dan keadilan sosial. Ini selaras dengan konsep pembangunan Malaysia MADANI agar kemajuan ekonomi memanfaatkan segenap lapisan masyarakat.

[2] Unjuran MOF, Tinjauan Ekonomi & Fiskal dan Anggaran Hasil 2023 Terkini, Februari 2023

2.4 Kerajaan akan memastikan dasar fiskal kekal responsif dalam menangani sebarang risiko terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat berikutan ketidaktentuan aktiviti ekonomi global. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu mengimbangi antara keperluan untuk mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi dan mengawal tekanan inflasi dengan meneruskan pengurusan fiskal yang berhemat. Negara juga masih berdepan dengan ketegangan geopolitik yang berpanjangan, ketidakstabilan dalam pasaran komoditi dan kewangan, gangguan rantaian bekalan global serta bencana alam seperti banjir yang boleh merencatkan kadar pertumbuhan ekonomi dan kemampanan fiskal negara. Keadaan ini memberi cabaran yang besar kepada Kerajaan dalam menguruskan kewangan awam yang terhad.Sehubungan itu, kementerian/jabatan dan agensi pelaksana perlu memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan langkah yang telah digubal supaya dapat mengekalkan momentum pemulihan ekonomi di samping menjamin kemampanan fiskal negara.

2.5 Kerajaan komited untuk meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan awam. Bagi tahun 2023, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal pada 5% daripada KDNK berbanding 5.6% pada tahun 2022. Kerajaan juga komited untuk terus menyokong agenda pembaharuan fiskal dan meneruskan semula usaha konsolidasi fiskal untuk jangka masa sederhana yang disasarkan pada purata 4.1% daripada KDNK dalam Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (Medium-Term Fiscal Framework-MTFF) (2023–2025). Defisit yang lebih rendah menggambarkan komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dan membina semula ruang fiskal bagi memastikan kemampanan kewangan awam dalam jangka masa sederhana dan panjang.

## 3. SENARIO EKONOMI NEGERI

3.1 Dengan tema 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera' yang telah dipilih menjadi pasak utama kepada keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2023, Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan kestabilan ekonomi negeri untuk menyejahterakan rakyat dan pembangunan yang dirancang. Kemajuan dan kemakmuran dalam ekonomi akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi rakyat.

3.2 Kini Negeri Pahang telah berada di landasan pemulihan ekonomi dan era pasca pandemik dan Tahun 2024 juga merupakan tahun keempat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Oleh itu, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada pembangunan yang memberikan impak terbaik kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

3.3 Dalam memastikan perancangan pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan, Negeri Pahang sentiasa komited bagi meningkatkan hasil negeri dan telah mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM1.083 bilion ringgit pada tahun 2023. Bagi meningkatkan kecekapan kutipan hasil, Kerajaan Negeri telah menggerakkan pelbagai usaha dan inisiatif kepada semua jabatan di Negeri Pahang. Usaha-usaha menangani ketirisan hasil juga sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dan dilaksanakan secara berterusan agar kutipan hasil negeri dapat ditingkatkan.

3.4 Jabatan di Negeri Pahang juga sentiasa dipastikan untuk mengurus perbelanjaan wang awam secara berhemah dan memberikan nilai terbaik kepada rakyat. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong peranan jabatan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dengan memberikan peruntukan tambahan kepada jabatan tertakluk kepada keperluan mereka.

## 4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

4.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengambil daya usaha yang lebih serius untuk menganggar dan memungut setiap jenis hasil iaitu hasil bagi tahun semasa dan juga tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

4.1.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2024.

4.1.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2024 yang boleh dipungut dalam tahun berkenaan;

4.1.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelumnya yang boleh dipungut dalam tahun 2024; dan

4.1.4 Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak dapat dipungut dalam tahun semasa).

4.1.5 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci dengan mengambil kira asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun.

4.1.6 Penyediaan Anggaran Hasil 2024 hendaklah mengikut garis panduan di atas dan menggunakan format ABM-7A, ABM-7B dan ABM-7C.

## 5. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2024

5.1 Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan menyediakan cadangan Belanja Mengurus yang jelas setelah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja Jabatan. Ini adalah untuk mempastikan Pegawai

Pengawal dapat menguruskan peruntukan jabatan dengan cekap dan berkesan.

**Batas Perbelanjaan 2024**

5.2 Sebagai makluman, formula Pengiraan Batas Perbelanjaan 2024 adalah seperti berikut :-

**Batas Perbelanjaan 2024 = Dasar Sedia Ada 2023 + Dasar Baru 2023 + 3% Kenaikan Emolumen (OS 11000)**

5.3 Agihan kepada Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah dibuat berdasarkan kepada format yang mengandungi:

5.3.1 Anggaran Peruntukan Mengikut Aktiviti (Batas Perbelanjaan); dan

5.3.2 ABM-7

**5.4 Dasar Baru dan *One Off***

5.4.1 Cadangan Dasar Baru, *One Off*, Cadangan Penjimatan serta lampiran-lampiran sampingan hendaklah dikemukakan untuk tahun 2024. Dalam mengemukakan permohonan untuk Dasar Baru, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian kepada perkara berikut :

5.4.1.1 Permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan;

5.4.1.2 Cadangan Penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos akibat pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses.

5.4.2 Cadangan Dasar Baru dan *One Off* hendaklah diisi menggunakan format berikut;

5.4.2.1 ABM-4 (Ringkasan Dasar Baru dan *One Off*).

5.4.2.2 ABM-5 (Cadangan bagi setiap Dasar Baru /*One Off*); dan

5.4.2.3 ABM-6 (Cadangan Penjimatan bagi setiap Dasar Baru dan *One Off*).

## 6. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA PEMBANGUNAN TAHUN 2024

6.1 Tahun 2024 merupakan tahun keempat bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan tahun 2024 yang dimohon telah mengambil kira keupayaaan pelaksanaan program atau projek berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut.

6.2 Semua perancangan program hendaklah turut mengambil kira pembudayaan norma baharu bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan iaitu:

(i) Memansuhkan program yang tidak kritikal;

(ii) Menyemak tahap kecekapan output dan tahap keberkesanan *outcome* sesebuah program/aktiviti jabatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PS) 1.3: Pelaksanaan Perakaunan

Pengurusan;

(iii) Menyemak skop program/aktiviti sedia ada mengikut keutamaan; dan

(iv) Mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan.

6.3 Jabatan hendaklah mengambil kira agenda keterangkuman secara menyeluruh dalam membuat analisis masalah/keperluan pelanggan/pihak berkepentingan bagi menentukan outcome dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator – KPI) bagi perancangan prestasi dan penyediaan belanjawan termasuklah perkara-perkara berikut:

(i) Mengutamakan program yang memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan secara inklusif;

(ii) Memperkukuh perlindungan sosial rakyat, terutamanya golongan yang mudah terjejas serta lebih tertumpu kepada golongan rentan, kurang upaya, wanita, warga emas dan yang kehilangan pekerjaan;

(iii) Menentukan pengagihan yang seimbang antara wilayah bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah; dan

(iv) Memastikan peluang pembangunan yang disediakan bagi perusahaan mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan bumiputera di sepanjang rantaian bekalan.

6.4 Selaras dengan penetapan hala tuju pembangunan tersebut, semua senarai projek yang akan dipertimbangkan hendaklah berdasarkan kepada fokus tersebut. Pegawai Pengawal mesti mendapatkan kelulusan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk melaksanakan projek-projek sebelum mengemukakan cadangan bajet bagi mendapatkan peruntukan.

6.5 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak yang berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.

6.5 Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan token pada tahun 2024 bagi projek-projek yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2025 khususnya peruntukan untuk membiayai kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan serta urusan dokumentasi tender. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek baru, ianya bergantung pada dasar yang akan dikeluarkan oleh BPEN nanti.

6.5 Pegawai Pengawal mesti merancang pelaksanaan projek dengan cekap. Pegawai Pengawal dan agensi Pelaksana Projek perlu memastikan bahawa nilai wang (value for money) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output dan impak maksima yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu menyenarai utamakan projek-projek yang hendak dilaksanakan dan peruntiukan yang dimohon perlulah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan sebenar dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

## 7. PERJAWATAN

7.1 Kerajaan Negeri akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam negeri bersesuaian bagi memastikan jabatan

Kerajaan terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera penyampaian. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan dan meningkatkan pembangunan sumber manusia.

7.2 Kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan kelulusan daripada Pejabat Kewangan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah **Objek Sebagai 29000.**

7.3 Permohonan peruntukan untuk jawatan kosong (tidak diisi) hendaklah berdasarkan kepada kesesuaian tempoh pengisian yang dianggap munasabah. Untuk tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan kepastian dari Pejabat Setiausaha Kerajaan mengenai pengisian jawatan tersebut. Keperluan peruntukan untuk jawatan kosong hendaklah dipohon dengan mengisi format ABM-3B bagi tempoh **6 bulan gaji.**

## 8. PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2024

8.1 Tatacara menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2024 adalah seperti di Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3. Format-format yang perlu diisi adalah seperti berikut:

**LAMPIRAN 1 - Anggaran Hasil**

(i) Format ABM-7A - Ringkasan Hasil Mengikut Objek sebagai.

(ii) Format ABM-7B - Butiran Hasil Mengikut Objek Lanjut.

(iii) Format ABM-7C - Anggaran Hasil Tahun 2024.

**LAMPIRAN 2 - Anggaran Belanja Mengurus**

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | Format ABM-1 | - | Ringkasan Eksekutif |
| (ii) | Format ABM-2 | - | Perjanjian Program |
| (iii) | Format ABM-3 | - | Ringkasan Kedudukan Keanggotaan. |
| (iv) | Format ABM-3A | - | Keterangan Mengenai Emolumen. |
| (v) | Format ABM-3B | - | Keterangan Mengenai Jawatan Kosong. |
| (vi) | Format ABM-4 | - | Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan *"One Off"*. |
| (vii) | Format ABM-5 | - | Cadangan Dasar Baru dan *"One Off"* |
| (viii) | Format ABM-6 | - | Cadangan Penjimatan |
| (ix) | Format ABM-7 | - | Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 Mengikut Objek Am dan Objek Sebagai |

**LAMPIRAN 3 - Anggaran Belanja Pembangunan**

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | AP-1 | - | Ringkasan Eksekutif |
| (ii) | AP-2 | - | Justifikasi Anggaran Pembangunan |
| (iii) | Lampiran AP | - | Maklumat Skop Projek Pembangunan |

8.2 Pegawai Pengawal dikehendaki merancang dan menyediakan anggaran keperluan peruntukan dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Unjuran keperluan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program atau projek.

8.3 Permohonan peruntukan tambahan hanya akan dipertimbangkan bagi keperluan Objek Am 10000 Emolumen sahaja dan Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan permohonan bagi peruntukan tambahan dihantar ke Pegawai Kewangan Negeri Pahang **sebelum atau pada pada 9 Jun 2023 (Jumaat)**.

8.4 Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2024 hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum atau pada 9 Jun 2023 (Jumaat)** dengan jumlah salinan seperti berikut :

8.4.1 **Satu (1) salinan** *soft copy* **Anggaran Perbelanjaan Mengurus** dan **Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan** dalam bentuk CD atau *pendrive.* Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua Borang ABM 1 hingga 7, AP-1, AP-2 DAN Lampiran AP telah lengkap dan sempurna;

8.4.2 **Lima (5) salinan** *hardcopy* Cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM-3 hingga ABM-7). **Asingkan Ringkasan Eksekutif dan Perjanjian Program tiga (3) salinan;**

8.4.3 **Lima (5) salinan** *hardcopy* Cadangan **Anggaran Hasil ABM 7A, 7B dan 7C**; dan

8.4.3 **Enam (6) salinan** *hardcopy* Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan dan **satu (1) salinan** hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat

Setiausaha Kerajaan Pahang. **Projek-projek yang diperakukan oleh BPEN sahaja yang akan dipertimbangkan.**

8.5 Pegawai Pengawal dikehendaki memasukkan Data Belanjawan untuk Tahun 2024 ke dalam Sistem SPEKS - Modul Bajet. Sila rujuk Manual SPEKS Sistem Belanjawan yang telah diedarkan kepada semua Pegawai Pengawal. Kemasukan Data Belanjawan dalam Sistem SPEKS perlu disiapkan selepas pemeriksaan bajet dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang.

## 9. PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2024

9.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus dan Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan akan diadakan mulai bulan **Julai 2023.** **Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan hadir sendiri** bersama **pegawai-pegawai yang terlibat** secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut:-

(i) Laporan Prestasi Perbelanjaan 2022 & 2023 (terkini); dan

(ii) Surat / Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan Dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus / Pembangunan Tahun 2024.

## 10. LAPORAN PENGECUALIAN TAHUNAN

10.1 Laporan Pengecualian Tahunan merupakan satu laporan untuk menjelaskan petunjuk prestasi (kewangan / bukan kewangan) yang mana pencapaian *input / output* terkeluar dari tahap varian yang dipersetujui dalam Perjanjian Program. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum atau**

pada **9 Jun 2023 (Jumaat)** menggunakan format seperti di **Lampiran A**.

**11. PENUTUP**

11.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya memberikan perhatian serius dalam merancang dan menyediakan Anggaran Bajet Tahun 2024 bagi jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

**Saya yang menjalankan amanah,**

**( DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP. )**
**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**
**PAHANG DARUL MAKMUR**

**Bertarikh : 19 Mei 2023**

s.k YAB Menteri Besar Pahang
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Pengarah Audit Cawangan Pahang
Akauntan Negeri
Ketua Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan

**SENARAI EDARAN**

1. Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang, Pekan
2. YB Setiausaha Kerajaan Pahang - Bahagian Khidmat Pengurusan
3. YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang - Seksyen Khidmat Pengurusan
4. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pahang
5. Setiausaha Bahagian (MMK & Dewan)
6. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
7. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
8. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
9. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang
10. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang
11. Pegawai Daerah Bentong
12. Pegawai Daerah Cameron Highlands
13. Pegawai Daerah Jerantut
14. Pegawai Daerah Kuantan
15. Pegawai Daerah Lipis
16. Pegawai Daerah Pekan
17. Pegawai Daerah Raub
18. Pegawai Daerah Temerloh
19. Pegawai Daerah Rompin
20. Pegawai Daerah Maran
21. Pegawai Daerah Bera
22. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang
23. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang
24. Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Pekan
25. Pengarah Plan Malaysia@Pahang (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
26. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
27. Pegawai Kemajuan Negeri Pahang
28. Sahibus Samahah Jabatan Mufti Negeri Pahang, Pekan
29. Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang

# ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2023 - 2024
# RINGKASAN EKSEKUTIF

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. MAKSUD | : | | 2. JABATAN | : | |
| 3. OBJEKTIF | : | | | | |
| 4. PUNCA KUASA | : | | | | |

5. **STRATEGI AGENSI :**

a. **Pencapaian objektif pada tahun 2021 dan tahun 2022 :**

b. **Masalah / kekurangan / kelemahan tahun 2022 :**

c. **Perubahan objektif, strategi, fungsi :**

6. RUMUSAN CADANGAN PERBELANJAAN

| Jenis Perbelanjaan | Tahun 2021 | | | Tahun 2022 | Tahun 2023 | | | Tahun 2024 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Peruntukan Asal Tahun (2021) | Peruntukan Tahun 2021 termasuk Tambahan/ Pengurangan | Perbelanjaan Sebenar Tahun (2021) | Peruntukan Asal Tahun (2022) | Anggaran Tahun (2023) | Perbezaan Antara Anggaran tahun 2023 dengan 2022 | | Anggaran Tahun 2024 | Perbezaan Anggaran Tahun 2024 dengan 2023 | |
| | | RM | RM | RM | RM | RM | % | RM | RM | % |
| (A) Perbelanjaan Mengurus<br>(i). Perbelanjaan Tanggungan<br>(ii). Perbelanjaan Bekalan | | | | | | | | | | |
| JUMLAH MENGURUS | | | | | | | | | | |
| (A) Perbelanjaan Mengurus<br>(i). Cara Langsung<br>(ii). Pinjaman | | | | | | | | | | |
| JUMLAH PEMBANGUNAN | | | | | | | | | | |
| JUMLAH BESAR (A) + (B) | | | | | | | | | | |

Tarikh : ____________________

______________________________

(Tandatangan Pegawai Pengawal)

ABM-2

# PERJANJIAN PROGRAM

1. **MAKSUD BEKALAN :**

2. **AGENSI :**

3. **PROGRAM :**

4. **AKTIVITI :**

5. **KOD :**

6. **PUNCA KUASA :**

   i) Pengwujudan

   ii) Sumber Kuasa

7. **OBJEKTIF :**

8. **PELANGGAN :**

9. **ANALISIS KEPERLUAN / DASAR :**

   (a) Masalah Pelanggan

      (i) Masalah-masalah pelanggan

      (ii) Luas masalah tersebut

      (iii) Sebab-sebab masalah

   (b) Alternatif Dasar

   (c) Strategi Tahun Belanjawan 2024

      (i) Strategi Jangka Panjang (melebihi 5 tahun)

      (ii) Strategi Jangka Pendek (kurang daripada 5 tahun)

      (iii) Strategi Tahun Belanjawan Pertama

      (iv) Strategi Tahun Belanjawan Kedua

B. Perjawatan

| Kumpulan Perkhidmatan | Bil. Tahun Lepas 2021 | | Bil Tahun Semasa 2022 | | Bil. Tahun Belanjawan (Anggaran) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lulus | Isi | Lulus | Isi | 2023 | 2024 |
| Emolumen<br><br>Perkhidmatan dan Bekalan<br><br>Aset<br><br>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap<br>Perbelanjaan Lain | | | | | | |
| JUMLAH | | | | | | |

12. SPESIFIKASI OUTPUT
(Senaraikan hanya 5 Output bagi setiap Aktiviti/Fungsi Sahaja)

| Petunjuk Prestasi | Tahun Lepas (2021) | | | Tahun Semasa (2022) | | Tahun Baru Pertama (2023) | | Tahun Baru Kedua (2024) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Setuju | Capai | Varian | Setuju | Varian | Setuju | Varian | Setuju | Varian |
| <u>Fungsi 1:</u><br><br>Output 1:<br>1. Bilangan output yang dihasilkan<br>2. Bilangan Output yang dikeluarkan yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan.<br>3. Bilangan Output yang dihasilkan dalam masa yang ditetapkan.<br>4. Bilangan Output yang dihasilkan mengikut kos yang ditetapkan.<br><br>Output 2 : (dan seterusnya)<br><br><u>Fungsi 2</u><br>(Seterusnya) | | | | | | | | | |

13. PETUNJUK IMPAK:

| Petunjuk Impak | Pencapaian Sebenar Tahun 2021 | Anggaran Pencapaian Tahun 2022 | Unjuran Bagi Tahun Belanjawan 2023 | Unjuran Bagi Tahun Belanjawan 2024 |
|---|---|---|---|---|
| 1. Petunjuk Impak 1<br>2. Petunjuk Impak 2<br>3. Petunjuk Impak 3 | | | | |

14. RANCANGAN PENILAIAN PROGRAM:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama Aktiviti | : | |
| 2. | Tahun bermula Aktivit | : | |
| 3. | Tahun berakhir penilaian dibuat | : | |
| 4. | Tahun penilaian akan datang | : | |
| 5 | Isu-isu yang dinilai | : | |
| 6. | Methodologi | : | |

(Tandatangan Ketua Aktiviti)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

(Tandatangan Pegawai Pengawal)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

ABM-3

# RINGKASAN KEDUDUKAN KEANGGOTAAN
# (PADA TAHUN SEMASA)

| Kump. Perkhidmatan/ Program Aktiviti | Anggota pentadbiran & Lantikan Undang-Undang | | Kumpulan Pengurusan Tertinggi | | Kumpulan Pengurusan Tertinggi | | Kumpulan Sokongan | | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil.Jwt | Bil. Diisi | Bil Jwt. | Bil Diisi | Bil Jwt. | Bil Diisi | Bil Jwt. | Bil Diisi | Bil Jwt. | Bil Diisi |
| | | | | | | | | | | |
| Jumlah | | | | | | | | | | |

ABM-3A

# KETERANGAN MENGENAI EMOLUMEN ANGGARAN PERBELANJAAN 2024

MAKSUD BEKALAN:
PROGRAM/AKTIVITI:

| Bil | Butiran | Nama Pegawai | Jawatan | Kod Gaji | Gaji bersih pada 31.12.2023 (Gaji Selepas Kenaikan) | TPG | KGT | 11000 | 12000 | | | 13000 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | Gaji | EKA | ITP/EBS | LAIN2 | | |
| | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | |

ABM-3B

# KETERANGAN MENGENAI JAWATAN KOSONG ANGGARAN PERBELANJAAN 2024

MAKSUD BEKALAN:
PROGRAM/ AKTIVITI:
JABATAN:

| Nama Jawatan | Bilangan Kekosongan | Jumlah Emolumen Yang Terlibat | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 11000 | 12000 | 13000 | |
| | | | | | |
| JUMLAH | | | | | |

LAMPIRAN B

ABM - 4

RINGKASAN CADANGAN DASAR BARU TAHUN 2024

JABATAN :

| NO. | PERKARA | OBJEK SEBAGAI (OS) | KUANTITI (UNIT) | RM PER UNIT (RM) | JUMLAH DIPOHON (RM) | JUMLAH DIPERAKU (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | | | - | | |

RINGKASAN CADANGAN DASAR BARU TAHUN 2023
JABATAN : JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI PAHANG

| NO. | PERKARA | OBJEK SEBAGAI (OS) | KUANTITI (UNIT) | RM PER UNIT (RM) | JUMLAH DIPOHON (RM) | JUMLAH DIPERAKU (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Penyelenggaraan Aset | | | | | | |
| | 1. Pewangi pejabat - (12 bulan x RM1,000.00) | 29000 | 12 | 1,000.00 | 12,000.00 | | |
| | 2. Alat ICT | 28000 | 20 | 400.00 | 8,000.00 | | |
| | 3. Penyelenggaraan Aircond | 28000 | 15 | 2,000.00 | 30,000.00 | | |
| | 4. Pembaikan kenderaan | 28000 | 2 | 10,000.00 | 20,000.00 | | |
| | 5. Penyelenggaraan kenderaan | 28000 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 | | |
| | 6. Pengantian tayar kereta jabatan | 28000 | 4 | 500.00 | 2,000.00 | | |
| | 7. Penyelenggaraan Pejabat | 28000 | 1 | 5,000.00 | 5,000.00 | | |
| | | | | | 71,000.00 | | |
| | | | | | | | |
| 2 | Perkhidmatan lain yang dibeli | | | | | | |
| | 1. Percetakan kepala surat dan bahan penerbitan | 29000 | 1 | 10,000.00 | 10,000.00 | | |
| | jabatan. | | | | | | |
| | 2. Pelajar Praktikal (Elaun Pelajar) | 29000 | 4 | 3,600.00 | 14,400.00 | | |
| | | | | | 24,400.00 | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | | | 95,400.00 | | |

CONTOH

RINGKASAN CADANGAN ONE-OFF TAHUN 2024

JABATAN :

| NO. | PERKARA | OBJEK SEBAGAI (OS) | KUANTITI (UNIT) | RM PER UNIT (RM) | JUMLAH DIPOHON (RM) | JUMLAH DIPERAKU (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | | |

LAMPIRAN C

ABM -4

RINGKASAN CADANGAN ONE OFF TAHUN 2023
JABATAN : **JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI PAHANG**

| NO. | PERKARA | **OBJEK SEBAGAI (OS)** | **KUANTITI (UNIT)** | **RM PER UNIT (RM)** | **JUMLAH DIPOHON (RM)** | **JUMLAH DIPERAKU (RM)** | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pembaikan Pejabat | | | | | | |
| | i. Bina baru garaj kenderaan jabatan dan kenderaan Pengarah | 32000 | 6 | 5,000.00 | 30,000.00 | | |
| | ii. Pembaikan kawasan pantry | 32000 | 1 | 30,000.00 | 30,000.00 | | |
| | iiii. *Tinted* pejabat | 29000 | 1 | 15,000.00 | 15,000.00 | | |
| | | | | | 75,000.00 | | |
| | | | | | | | |
| 2 | Kos perkhidmatan pindah pejabat ke Blok D, SUK | 29000 | 1 | 50,000.00 | 50,000.00 | | |
| | Pahang. | | | | | | |
| | | | | | | | |
| 3 | Ubah suai ruang pejabat di Blok D, SUK Pahang | 32000 | 1 | 810,000.00 | 810,000.00 | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | 860,000.00 | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | 985,000.00 | | |

CONTOH

# CADANGAN DASAR BARU/ONE-OFF

1. AGENSI :
2. PROGRAM :
3. AKTIVITI :
4. TAJUK CADANGAN :
5. BUTIRAN PERBELANJAAN :

| | Peruntukan Tahun 2022 | Peruntukan Tahun 2023 | Peruntukan Tahun 2024 |
|---|---|---|---|
| Emolumen | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | | |
| Aset | | | |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | | | |
